

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7220

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [KENINGAU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah proses mewariskan senjata api kepada anak atau saudara terdekat memakan masa yang lama dan kadangkala sukar diproses sedangkan syarat-syarat yang telah ditetapkan sudah dipatuhi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilikan senjata api bukanlah sesuatu yang boleh diwarisi oleh anak atau ahli keluarga sepertimana pewaris-pewaris yang lain kerana senjata api adalah merupakan peralatan yang perlu dikawal memandangkan kegunaannya yang boleh mengancam keselamatan apatah lagi nyawa manusia. Oleh yang demikian, setiap permohonan untuk mendapatkan lesen atau permit senjata api perlu melalui tapisan yang rapi oleh pihak Polis DiRaja Malaysia bagi menentukan kebolehan, kemampuan dan keupayaan dari aspek fizikal, mental, kedudukan kewangan serta ekonomi individu yang memohon lesen atau permit senjata api tersebut.

Kementerian dan pihak polis mempunyai garis panduan yang komprehensif bagi menimbangankan permohonan senjata api dan juga berpandukan kepada peruntukan undang-undang sepertimana yang termaktub di bawah Akta Senjata 1960.